



**MOLLY** Donna (kiri) menerima anugerah International Students Office Achievement 2015.

## UMS menang International Students Office Achievement 2015

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah merangkul anugerah International Students Office Achievement 2015 pada majlis International Appreciation Night 2016 yang berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu(UMT), baru-baru ini.

Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa Molly Donna Awang Sham berkata anugerah itu merupakan pencapaian terbaik UMS dalam memperkasakan pengantarabangsaan pelajar antarabangsa.

“Anugerah ini mengambil kira beberapa kriteria khas iaitu pengurusan pelajar antarabangsa terbaik, bilangan pelajar antarabangsa dari kepelbagaian negara dan hubungan kerjasama universiti,” jelasnya.

Anugerah itu disampaikan oleh Pengarah Commonwealth Tertiary Education Facility (CTEF)

Prof Dato' Dr Morshidi Sirat.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah menerusi kenyataan dalam Facebook turut berkata kejayaan itu merupakan satu pengiktirafan atas usaha UMS mempromosikan sebagai destinasi terbaik bagi pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di universiti berkenaan.

Selain anugerah itu, majlis yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan, UMT itu turut menyediakan anugerah International Students Diversity Achievement 2015.

Turut hadir pada majlis itu, Naib Canselor UMT Prof Dato' Dr Nor Aieni Haji Mokhtar dan Pengarah Bahagian Education Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Jamalulail Abu Bakar.



**PARA** penerima anugerah bergambar pada majlis International Appreciation Night 2016 di UMT.